

Yang Amat Berhormat Dato' Seri,

Tiada kata yang dapat menggambarkan betapa bertuahnya kami sebagai rakyat negara yang permai ini, dianugerahkan seorang negarawan dan pemimpin seperti Yang Amat Berhormat Dato' Seri, yang tidak pernah kenal penat dan lelah, masa dan ketika, mengharungi pahit getir perjuangan memaknakan kemerdekaan, perjuangan untuk memartabatkan satu bangsa yang bermaruah, serta perjuangan untuk membuka minda masyarakat terhadap makna sebenar menguasai dan membudayakan ilmu, demi memastikan negara ini terus merdeka dan dihormati di pentas dunia.

Kami amat terharu dan menyanjung tinggi setiap bait kata semangat yang dilontarkan untuk rakyat terus bekerja keras, meningkatkan komitmen dan sentiasa boleh dalam menerokai setiap usaha kreatif dan inovatif bagi membuktikan di mata dunia dan untuk membuktikan bahawa maruah ummat harus ditebus melalui penguasaan ilmu, Sains dan Teknologi tanpa mengeneipkan agama dan jati diri.

Kami amat berterima kasih, berbangga dan berdoa agar Yang Amat Berhormat Dato' Seri akan terus bersama seluruh rakyat jelata meneruskan perjuangan yang belum selesai ini atas kedudukan sebagai apa juapun.

Seluruh warga Universiti Sains Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghormatan dan penghargaan kami kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri.



www.usm.my

Setinggi-tinggi Penghargaan Kami


kepada

UM 31/10/2003 - 14 PRECISE

Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad

Perdana Menteri Malaysia



Daripada,

Pengerusi & Ahli-ahli Lembaga Pengarah,
Naib Canselor Serta Seluruh
Warga Universiti Sains Malaysia